

29 SEP 1999

Sukan-Formula Satu

SIC TIDAK AKAN KURANGKAN HARGA TIKET FORMULA SATU

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Sepang International Circuit (SIC) tidak bercadang untuk mengurangkan harga tiket bagi menyaksikan perlumbaan Formula Satu Grand Prix Petronas Malaysia bulan depan walaupun hanya berjaya menjual separuh daripada sasaran 92,000 tiket setakat ini.

Pengurus Besar SIC, Hussin Mohd Ali berkata sehingga semalam, SIC hanya berjaya mencatat jualan sebanyak 49,000 keping tiket yang bernilai lebih daripada RM30 juta.

Daripada jumlah tersebut, 30,000 keping adalah jualan bagi tempat duduk grandstand manakala selebihnya adalah tempat duduk tidak berbumbung.

"Tidak pernah terlintas di fikiran kami untuk menurunkan harga tiket walaupun sekiranya kami menghadapi masalah untuk mencapai sasaran jualan," katanya pada persidangan akhbar bersama Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini hari ini.

Katanya, tindakan menurunkan harga tiket di saat akhir adalah tidak adil bagi peminat-peminat yang lebih awal membeli tiket pada harga asal.

Menurutnya, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh SIC di perlumbaan-perlumbaan di luar negara, penjualan tiket akan lebih rancak pada dua minggu terakhir menjelang perlumbaan sebenar.

"Biasanya penjualan tiket akan bertambah dua hingga tiga kali ganda pada penghujung minggu menjelang perlumbaan dan jumlah 49,000 yang kita catatkan sekarang ini adalah perkara biasa dalam mana-mana pertandingan Formula Satu," katanya.

Malaysia akan mencatat sejarah apabila buat pertama kali menganjurkan perlumbaan Formula Satu yang merupakan perlumbaan bermotor paling berprestij di dunia selepas Grand Prix Motosikal, di Litar F1 Sepang dari 15-17 Okt ini.

Bagaimanapun, harga tiket yang bernilai antara RM150 dengan RM1,400 dikatakan terlalu tinggi untuk membolehkan rakyat di negara ini datang sendiri menyaksikan perlumbaan itu.

Sementara itu Muhyiddin melancarkan logo Minggu Sukan Bermotor Negara dari 9 hingga 17 Okt sempena perlumbaan Formula Satu di negara ini.

Minggu Sukan Bermotor yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 9 Okt akan diserikan dengan pelbagai aktiviti kenderaan bermotor.

"Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah perarakan terbesar kereta motor yang akan melibatkan lebih 400 buah kereta antik dan vintage serta persembahan seni budaya daripada artis tempatan di Dataran Merdeka," katanya.

Selain itu, beberapa pertunjukan dan pameran motor dan kereta akan diadakan di beberapa tempat seperti Terminal 1 Lapangan Terbang Subang, Pusat Dagangan Dunia Putra, Stadium Bukit Jalil dan Litar F1 Sepang dari 2 hingga 24 Okt.

"Objektif kita melancarkan minggu ini adalah untuk mewujudkan "demam" sukan bermotor kepada masyarakat Malaysia di samping menyokong kempen penjualan tiket Formula Satu," kata Muhyiddin.

-- BERNAMA  
ZMA sbj NMO